

12 SEP 2002

Senegal-Pembangunan/I

SENEGAL INGIN PELAJARI KEPAKARAN MALAYSIA DALAM BANYAK BIDANG

PUTRAJAYA, 12 Sept (Bernama) -- Senegal akan mendapatkan kerjasama dan sokongan Malaysia dalam membangunkan cadangan pusat pentadbiran yang baru dan sebuah lapangan terbang.

Dakar juga mahu Kuala Lumpur meningkatkan import dari negara Afrika Barat itu yang pada masa ini terhad kepada satu daripada produk pertanian utamanya -- kapas.

Ini merupakan antara perkara yang dibincangkan pada pertemuan tertutup antara Presiden Senegal Abdoulaye Wade yang sedang melawat Malaysia dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta disusuli dengan mesyuarat delegasi selama 30 minit yang diketuai pemimpin kedua-dua negara di Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Semasa memberikan taklimat kepada wartawan selepas mesyuarat berkenaan, Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad berkata Malaysia bersedia menawarkan kepakarannya untuk membantu Senegal membina pusat pentadbiran.

"Mereka mempunyai pereka dan arkitek tetapi ingin mendapatkan pandangan rakan-rakan dari Malaysia bagi mengelakkan dari melakukan kesilapan. Mereka telah mendengar mengenai kejayaan projek Putrajaya dan mereka mahu kita bekerjasama dalam memberikan mereka nasihat dan dalam banyak bidang lain," kata beliau.

Mengenai perdagangan, Dr Toyad berkata Malaysia akan meninjau barangan baru untuk diimport dari Senegal berikutan peningkatan jumlah dagangan antara kedua-dua negara yang menyebelahi Malaysia.

Jumlah keseluruhan dagangan dua hala berada pada RM9.51 juta tahun lepas manakala angka bagi tahun 2000 pula ialah RM6.74 juta.

Beliau berkata beberapa syarikat Malaysia pula sedang meninjau industri pakaian dan tekstil Senegal.

Sebagai tambahan, beliau berkata Senegal sedang mencari rakan kongsi untuk membantunya membangunkan pengeluaran tayar dan sektor pertanian.

Dr Toyad berkata terdapat juga perjanjian membabitkan Pelabuhan Kelang di Malaysia dan Pihak Berkuasa Pelabuhan Dakar untuk lebih menggalakan pertumbuhan pelabuhan Dakar.

Beliau berkata Dr Mahathir memberikan penjelasan yang panjang lebar mengenai bagaimana Malaysia mengubah dirinya daripada negara berasaskan komoditi untuk menjadi sebuah negara perindustrian.

Sebagai menandakan hasrat Senegal untuk menjalin kerjasama rapat dengan Malaysia, Dr Toyad berkata negara itu membuka kedutaannya di sini Julai lepas. Malaysia memulakan missinya di Senegal pada 1992.

Dalam perkembangan lain, Dr Toyad berkata Perdana Menteri secara rasminya mengundang Presiden Abdoulaye untuk menghadiri Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali dalam bulan Februari dan Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam pada Oktober tahun depan, dengan Malaysia menjadi tuan rumah bagi kedua-dua persidangan berkenaan.

Senegal bersempadan di utara oleh Mauritania, di sebelah timur oleh Mali, di selatan oleh Guinea dan Guinea-Bissau, manakala di sebelah barat pula oleh Lautan Atlantik.

Penduduknya dianggarkan berjumlah 10.6 juta, 53 peratus daripadanya tinggal di kawasan pedalaman.

Presiden itu mengakhiri lawatan tiga harinya ke Malaysia esok.

-- BERNAMA

MUN MAM RM ROS